



# LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

## LAYOUT MAKLUMAT C.P.8D - Pin. 2018

### PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 DAN MAKLUMAT MENGENAI POTONGAN CUKAI DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994

#### MAKLUMAN PENTING:

Majikan yang mempunyai sistem berkomputer sendiri dan bilangan pekerja yang ramai, adalah digalakkan untuk menyediakan data C.P.8D dalam bentuk txt mengikut format seperti dinyatakan di Bahagian A.

#### BAHAGIAN A:

#### PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P.8D DALAM FAIL TXT

1. Sekiranya kaedah pengemukaan C.P.8D adalah dengan menggunakan cakera padat (CD) / pemacu USB / cakera keras luaran, majikan hendaklah menyimpan maklumat majikan dan pekerja dalam dua (2) fail berbeza menggunakan nama fail mengikut piawaian yang ditetapkan di bawah.
2. Jika kaedah pengemukaan C.P.8D adalah dengan memuat naik C.P.8D dalam bentuk txt melalui e-Filing Borang E (e-E), majikan hanya perlu memuat naik maklumat pekerja sahaja. Format maklumat pekerja dan piawaian nama fail pekerja adalah seperti yang ditetapkan di bawah.

#### MAKLUMAT MAJIKAN

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
No. majikan	Integer	10	No. E majikan. Diisi tanpa E di hadapan	2900030000
Nama majikan	<i>Variable character</i>	80	Nama majikan seperti yang dilaporkan kepada LHDNM	Syarikat Bina Jaya
Saraan bagi tahun	Integer	4	Tahun saraan berkeajaan	2018

#### Contoh data txt:

2900030000|Syarikat Bina Jaya|2018

#### Nota:

- 1) Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.
- 2) Maklumat majikan hendaklah disimpan dengan piawaian nama seperti di bawah:

MHHHHHHHHHHH\_TTTT.TXT

M : maklumat majikan  
 HHHHHHHHHHH : no. E  
 TTTT : tahun saraan

Contoh:

Majikan dengan No. E 2900030000 menghantar fail txt untuk tahun saraan 2018.

Fail maklumat majikan akan dihantar kepada LHDNM dengan nama: **M2900030000\_2018.txt**

### MAKLUMAT PEKERJA

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
Nama pekerja	<i>Variable character</i>	60	Nama seperti dalam kad pengenalan.	Ali bin Ahmad
No. cukai pendapatan	Integer	11	No. cukai pendapatan seperti yang diberikan oleh LHDNM. Jika pekerja tiada no. cukai pendapatan, ruangan ini dibiarkan tanpa diisi.	03770324020
No. pengenalan / pasport	<i>Variable character</i>	12	Keutamaan diberikan kepada No. Kad Pengenalan baru diikuti dengan No. Polis, No. Tentera dan No. Pasport. No. Pasport digunakan untuk warganegara asing.	730510125580 atau A2855084 atau T0370834.
Kategori pekerja	Integer	1	<b>Kategori Pekerja</b> (seperti dalam Jadual PCB):- ~ <b>Kategori 1:</b> Bujang ~ <b>Kategori 2:</b> Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja ~ <b>Kategori 3:</b> Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat  Jika status berubah contohnya daripada Kategori 1 kepada Kategori 3, isikan Kategori Pekerja yang terkini.	Pekerja berkahwin pada 24 Jun 2018 dan isterinya bekerja. Kategori Pekerja yang terkini bagi pekerja tersebut adalah '3'.
Cukai ditanggung oleh majikan	Integer	1	Isikan 1 atau 2 iaitu: 1 = Ya 2 = Tidak	Cukai pendapatan pekerja tidak ditanggung oleh majikan. Isikan '2' bagi pekerja tersebut.
Bilangan anak yang layak untuk pelepasan cukai	Integer	2	Isikan bilangan anak yang layak untuk tuntutan pelepasan cukai.	Bilangan anak = 2 orang. 1 orang anak berumur 22 tahun telah berkahwin dan 1 orang anak lagi masih bersekolah. Bilangan anak yang layak untuk pelepasan cukai = 1
Jumlah pelepasan bagi anak yang layak	Desimal	7	Jumlah pelepasan bagi anak yang layak adalah sama seperti jumlah pelepasan anak yang dikira bagi tujuan PCB. Jumlah ini adalah tanpa nilai sen.	Jumlah pelepasan anak yang layak bagi pekerja tersebut adalah RM2000 (dilaporkan sebagai 2000).

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
Jumlah saraan kasar	Desimal	11	Jumlah saraan kasar adalah tanpa nilai sen.	RM50000.70 dan RM50000.20 dilaporkan sebagai 50000.
Manfaat berupa barangan	Desimal	11	Jumlah nilai manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan adalah tanpa nilai sen.	RM4200.80 dan RM4200.10 dilaporkan sebagai 4200.
Nilai tempat kediaman	Desimal	11	Jumlah nilai manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia adalah tanpa nilai sen.	RM12000.90 atau RM12000.20 dilaporkan sebagai 12000.
Manfaat skim opsyen saham pekerja (ESOS)	Desimal	11	Jumlah nilai manfaat ESOS adalah tanpa nilai sen.	RM1300.80 atau RM1300.30 dilaporkan sebagai 1300.
Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai	Desimal	11	Jumlah elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai adalah tanpa nilai sen.	RM445.60 dan RM445.20 dilaporkan sebagai 445.
Jumlah tuntutan pelepasan oleh pekerja melalui Borang TP1	Desimal	11	Jumlah tuntutan pelepasan oleh pekerja melalui Borang TP1 adalah tanpa nilai sen.	RM2200.50 dan RM2200.10 dilaporkan sebagai 2200.
Jumlah tuntutan bayaran zakat oleh pekerja melalui Borang TP1	Desimal	11	Jumlah bayaran zakat (SELAIN yang dibayar melalui potongan gaji bulanan) yang dituntut oleh pekerja melalui Borang TP1. Jumlah ini ada nilai sen.	RM1400.30 dilaporkan sebagai 1400.30.
Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Desimal	11	Jumlah caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah tanpa nilai sen.	RM3600.90 dan RM3600.30 dilaporkan sebagai 3600.
Zakat yang dibayar melalui potongan gaji	Desimal	11	Jumlah bayaran zakat melalui potongan gaji ada nilai sen.	RM1700.20 dilaporkan sebagai 1700.20.
PCB	Desimal	11	Jumlah PCB ada nilai sen.	RM2555.25 dilaporkan sebagai 2555.25.
CP38	Desimal	11	Jumlah CP38 ada nilai sen.	RM1822.63 dilaporkan sebagai 1822.63.

#### Contoh data txt 1:

Maklumat seperti contoh dalam jadual di atas:

Ali bin Ahmad|03770324020|730510125580|3|2|1|2000|50000|4200|12000|1300|445|2200|1400.30|3600|1700.20|2555.25|1822.63

#### Contoh data txt 2:

Maklumat seperti contoh dalam jadual di atas tetapi dengan pindaan maklumat seperti berikut:

- Pekerja tidak mendapat manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh majikan.
- Pekerja tidak menerima manfaat ESOS daripada majikan.
- Tiada potongan cukai pendapatan melalui CP38 untuk pekerja tersebut.

Ali bin Ahmad|03770324020|730510125580|3|2|1|2000|50000|4200|||445|2200|1400.30|3600|1700.20|2555.25|

**Nota:**

- 1) Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.
- 2) Maklumat pekerja hendaklah disimpan dengan piawaian nama seperti di bawah:

PHHHHHHHHHH\_TTTT.TXT

P : maklumat pekerja  
HHHHHHHHHH : no. E  
TTTT : tahun saraan

Contoh:

Majikan dengan No. E 2900030000 menghantar fail txt untuk tahun saraan 2018.  
Fail maklumat pekerja akan dihantar kepada LHDNM dengan nama: **P2900030000\_2018.txt**

**BAHAGIAN B:**

**PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P.8D DALAM MICROSOFT EXCEL**

- 1. LHDNM telah menyediakan format C.P.8D dalam bentuk Microsoft Excel 2003 untuk kemudahan majikan menyediakan data tersebut. Program tersebut boleh diperolehi melalui Portal Rasmi LHDNM.
- 2. Format C.P.8D dalam bentuk Microsoft Excel 2003 hanya boleh dikemukakan dengan menggunakan CD / pemacu USB / cakera keras luaran, dan pengemukaannya secara e-Filing adalah tidak diterima.
- 3. Majikan yang menggunakan kemudahan Microsoft Excel yang dibekalkan oleh LHDNM perlu menamakan fail mengikut piawaian seperti berikut:

YYHHHHHHHHHH\_TTTT.XLS

YY : maklumat majikan dan pekerja (MP)  
HHHHHHHHHH : no. E  
TTTT : tahun saraan

Contoh:

Majikan dengan No. E 2900030000 menggunakan Microsoft Excel untuk tahun saraan 2018.  
Satu (1) fail akan dihantar kepada LHDNM dengan nama **MP2900030000\_2018.XLS**

**PANDUAN RALAT DAN PAPARAN MESEJ KESALAHAN SEMASA MENGGUNAKAN FORMAT MICROSOFT EXCEL YANG DIBEKALKAN**

BIL.	RALAT	MESEJ KESALAHAN
1.	<b>No. majikan:</b> (No. E) Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 10 digit.	1. Nilai yang diterima adalah digit. 2. Bilangan digit melebihi 10 digit.
2.	<b>Nama majikan:</b> Memasukkan nama majikan melebihi 80 aksara.	Panjang melebihi 80 aksara.
3.	<b>Saraan bagi tahun:</b> Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 4 digit.	Nilai bukan digit atau melebihi 4 digit.
4.	<b>Nama pekerja:</b> Memasukkan nama pekerja melebihi 60 aksara.	Panjang melebihi 60 aksara.
5.	<b>No. cukai pendapatan:</b> Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 11 digit.	Nilai yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 11 digit.
6.	<b>No. pengenalan / pasport:</b> Memasukkan maklumat melebihi 12 aksara.	Panjang melebihi 12 aksara.
7.	<b>Kategori pekerja:</b> Memasukkan maklumat bukan digit atau melebihi 1 digit.	Kategori yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 1 digit.

**PANDUAN RALAT DAN PAPARAN MESEJ KESALAHAN SEMASA MENGGUNAKAN FORMAT MICROSOFT EXCEL YANG DIBEKALKAN**

<b>BIL.</b>	<b>RALAT</b>	<b>MESEJ KESALAHAN</b>
8.	<b>Cukai ditanggung oleh majikan:</b> Memasukkan maklumat bukan digit atau melebihi 1 digit.	Maklumat yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 1 digit.
9.	<b>Bilangan anak yang layak untuk pelepasan cukai:</b> Memasukkan maklumat bukan digit atau melebihi 2 digit.	Bilangan yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 2 digit.
10.	<b>Jumlah pelepasan bagi anak yang layak:</b> Memasukkan nilai melebihi 7 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 7 digit atau mengandungi nilai sen.
11.	<b>Jumlah saraan kasar:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
12.	<b>Manfaat berupa barangan:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
13.	<b>Nilai tempat kediaman:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
14.	<b>Manfaat skim opsyen saham pekerja (ESOS):</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
15.	<b>Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
16.	<b>Jumlah tuntutan pelepasan oleh pekerja melalui Borang TP1:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
17.	<b>Jumlah tuntutan bayaran zakat oleh pekerja melalui Borang TP1:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
18.	<b>Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
19.	<b>Zakat yang dibayar melalui potongan gaji:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
20.	<b>PCB:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
21.	<b>CP38:</b> Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.